



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2011/2012**

NAMA KURSUS : PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : UWA10402/UMA1172
PROGRAM : 3 DDT
1 DAA/DAC/DAE/DAI/DAM/DAT
TARIKH PEPERIKSAAN: OKTOBER 2011
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN
SAHAJA DARI ENAM SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

- S1**
- (a) Beri pengertian Islam dari sudut bahasa dan istilah. (4 markah)
 - (b) Jelaskan **tiga (3)** asas-asas Islam. (6 markah)
 - (c) Huraikan **lima (5)** ciri kesyumulan Islam. (15 markah)
- S2**
- (a) Tuliskan **dua (2)** nama yang menjadi pelopor kepada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. (2 markah)
 - (b) Jelaskan **empat (4)** sumber hukum yang disepakati dalam manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. (8 markah)
 - (c) *Masalih al-Mursalah* atau kepentingan umum merupakan satu daripada sumber hukum yang tidak disepakati dalam manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia bermaksud memutuskan sesuatu berasaskan prinsip kebaikan umum ke atas suatu perkara yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith secara jelas.

Huraikan peranan *Masalih al-Mursalah* dalam kehidupan masyarakat hari ini dengan memberikan satu contoh. (15 markah)
- S3**
- (a) Nyatakan pengertian mahar. (2 markah)
 - (b) Terangkan **empat (4)** dasar perkahwinan dalam Islam. (8 markah)
 - (c) Huraikan **lima (5)** aspek kufu atau sepadan dalam memilih pasangan dalam Islam. (15 markah)

- S4**
- (a) Tuliskan **lima (5)** nama tokoh terawal dalam kalangan sahabat yang menjadi pelopor kepada ilmu-ilmu al-Qur'an. (5 markah)
 - (b) Huraikan sejarah awal pembukuan al-Qur'an pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar. (10 markah)
 - (c) Firman Allah s.w.t, maksudnya: "Dia menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci (al-Qur'an) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab-Kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya dan Dia juga yang menurunkan Kitab-Kitab Taurat dan Injil". (al-Imran: 3)
Berdasarkan maksud ayat di atas, jelaskan **lima (5)** keistimewaan al-Quran berbanding kitab-kitab sebelumnya. (10 markah)
- S5**
- (a) Beri pengertian akidah dari segi bahasa dan istilah. (5 markah)
 - (b) Jelaskan **lima (5)** perkara yang boleh merosakkan akidah. (10 markah)
 - (c) Bincangkan bagaimana sesuatu amalan boleh merosakkan akidah seseorang dengan memberikan satu contoh. (10 markah)
- S6**
- (a) Beri pengertian hudud dari segi bahasa dan istilah. (4 markah)
 - (b) Jelaskan **tiga (3)** matlamat hukuman dalam perundangan Islam. (9 markah)
 - (c) Huraikan pembahagian kesalahan merompak dan hukumannya dalam undang-undang hudud. (12 markah)